

DETIK-DETIK TERAKHIR BERSAMA IBU

Oleh: Nur Shahidah binti Miswan, 1171130,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 23 Ogos 2020

Bulai ini genap setahun ibu meninggalkan kami sekeluarga, tetapi tidak pernah sedetik pun saya melupakan ibu.

Saya ingin berkongsi kisah detik-detik terakhir ibu yang bermula ketika saya bercuti semester di kampung.

Pada hari itu, ibu berlari ke tandas dan tiba-tiba dia terjatuh kerana tersilap langkah. Saya yang dekat dengannya ketika itu menolong ibu bangun dan dia berjalan ke tandas.

Di ruang tamu, ibu duduk di kerusi meja makan sambil menonton televisyen sehingga larut malam bersama saya. Namun, saya tertidur di situ.

Apabila saya tersedar kira-kira pukul 2 pagi, saya melihat ibu tertidur di kerusi itu. Apabila saya mencadangkan supaya dia tidur di dalam bilik, ibu menyatakan dia ingin menonton televisyen.

Keesokan paginya, saya melihat ibu tidur di lantai berhampiran meja makan. Saya sekeluarga berasa hairan.

Apabila abang menyedari bahawa ibu tidak boleh berjalan, dia dan adik memapahnya untuk duduk di atas kerusi roda milik ayah. Kami membantu ibu untuk mandi dan makan.

Setelah seminggu, ayah masih tidak mahu menghantar ibu ke hospital, sebaliknya dia membawanya ke pusat urut.

Ayah tidak yakin dengan perubatan moden. Namun, ibu masih tidak boleh berjalan sehingga tamat cuti semester sebulan dan saya harus pulang ke kampus.

Tiga bulan berlalu, pada satu malam saya menerima panggilan telefon daripada kakak. Dia mengatakan bahawa ibu sedang dirawat di hospital kerana kakinya masih belum sembuh.

Doktor memaklumkan kaki ibu patah tetapi ada berita yang lebih mengejutkan. Kakak memaklumkan bahawa ibu menghidap ketumbuhan otak.

Pada mulanya, kami ingin ibu dibedah untuk membuang ketumbuhan otaknya tetapi doktor memaklumkan ia berisiko tinggi.

Maka, kami membuat keputusan supaya ibu tidak dibedah. Doktor memaklumkan bahawa ibu boleh dibawa pulang ke rumah dan mengatakan bahawa dia hanya menunggu waktu sahaja.

Tiba cuti pertengahan semester, saya pulang ke rumah untuk melihat keadaan ibu. Ketika tiba di rumah, saya terus mendekati ibu dan saya melihat senyumannya ketika itu. Sebelum itu, adik-beradik yang lain memberitahu bahawa ibu sering bertanya tentang saya.

Tiga hari berlalu, keadaan ibu semakin buruk, malah tidak sedarkan diri. Akibat terlalu bimbang, kami membawa ibu semula ke hospital.

Setelah menunggu beberapa jam di Wad Kecemasan, doktor memberitahu bahawa ibu sudah tidak boleh bernafas.

Jadi doktor memberi saranan untuk menggunakan alat bantuan pernafasan sehingga jantung ibu berhenti.

Kami bersetuju, lalu ibu dibawa ke Unit Rawatan Separa Rapi dan selama seminggu saya menemani ibu yang terlantar tidak sedarkan diri.

Satu pagi, saya pergi ke surau untuk solat dan akibat mengantuk, saya tertidur di situ. Tiba-tiba saya mendapat panggilan daripada pihak wad memaklumkan bahawa jantung ibu sudah terhenti.


Ketika saya sampai di wad, saya melihat jururawat sedang mencabut semua peralatan yang ada pada tubuh ibu.

Setelah sekian lama ibu menahan kesakitan sendirian, akhirnya dia pergi buat selama-lamanya.

Terima kasih ibu kerana menunggu saya pulang dan memberi saya peluang seketika untuk menjagamu. Cinta di hatiku tetap mekar buatmu, ibu.



Sumber: Google



Sumber: Facebook